

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendekatan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans Kerugian Berikutan Kebakaran anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1

Apa itu Insurans Kerugian Berikutan Kebakaran?

Insurans Kerugian Berikutan Kebakaran memberi perlindungan kepada anda daripada kerugian ke atas keuntungan, pendapatan, sewa, tanggungan tetap, upah atau gaji berdasarkan rekod gaji dan penambahan kos kerja yang berpunca daripada gangguan perniagaan akibat kebakaran dan/atau peril-peril lain yang ditambahkan ke atas polisi.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM840.00 setahun, anda menerima **perlindungan** seperti berikut:

Polisi ini melindungi :	Polisi ini tidak melindungi :
Mana-mana yang berikut (atas pilihan anda): - Kerugian Untung Kasar (perlindungan dasar perbezaan atau dasar tambahan) - Kerugian Pendapatan Kasar - Kerugian Sewa Kasar - Tanggungan Tetap Sahaja - Upah (dwi dasar atau 100% atau pro-rata) - Upah dan gaji berdasarkan rekod gaji - Penambahan kos kerja sahaja	- Kerugian oleh kejadian luar biasa yang terjadi ketika tempoh tergendala. - Kerugian oleh sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terhadap pembinaan semula atau operasi perniagaan - Kerugian akibat kekurangan modal untuk pemulihan atau penggantian harta yang rosak atau hilang - Kebakaran bawah tanah - Peperangan, perang saudara dan apa-apa tindakan keganasan - Keradioaktifan dan risiko tenaga nuklear
Dengan bayaran premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan dengan menambah manfaat-manfaat yang berikut: - Penyekatan laluan - Kemudahan awam - Premis Pembekal - Premis Pelanggan - Fi jurukira Di dalam Malaysia, Singapura atau Brunei	
Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki membarui polisi insurans anda setiap tahun.	
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans Kebakaran Komersial kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
www.allianz.com.my/fireconloss-ins



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan Allianz.

Untuk tujuan ilustrasi, andaikan jenis pembinaan dinding adalah dinding bata sepenuhnya dan/atau tahan api selama dua jam, jenis pembinaan bumbung adalah bahan tidak mudah terbakar, kod pekerjaan adalah pejabat dan jumlah yang diinsuranskan adalah RM1,000,000.00, **anda mesti membayar premium:**

Perlindungan Standard	RM840.00
Perlindungan Tambahan - Penyekatan laluan	RM140.00
Jumlah premium yang perlu anda bayar ialah	RM980.00 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	15% daripada premium atau RM147.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM78.40
<i>Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.</i>	

4 Syarat Utama Lain

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Jumlah yang diinsuranskan anda boleh berdasarkan nilai anggaran dengan mengambil kira Keuntungan Kasar / Pendapatan Kasar / Sewa Kasar anda bagi tahun sebelumnya, seperti yang tertera di dalam penyata akaun anda termasuk jangkaan keuntungan bagi tahun semasa, jika ada. Jika jumlah sebenar yang diperolehi adalah kurang daripada anggaran nilai yang diinsuranskan, pulangan premium secara pro-rata tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada peruntukan premium yang telah dibayar akan dipulangkan bagi perbezaan nilai tersebut.
- Polisi ini akan terbatal jika syarikat yang diinsuranskan ditamatkan atau diambil alih oleh penyelesaian (*liquidator*) atau penerima (*receiver*) atau berhenti beroperasi selama-lamanya.
- Anda hanya boleh membeli polisi ini jika anda juga mempunyai polisi insurans kebakaran dengan pihak kami yang melindungi perniagaan yang sama.
- Warranti Premium –Premium mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi. Jika tidak, polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata enam puluh (60) hari bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada Allianz. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium yang dikira berdasarkan kadar tempoh singkat kami bagi tempoh polisi telah berkuatkuasa.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2026.